

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 June 2015

Pemimpin mesti bijaksana, berani

Um - 17/6/2015

PAGOH 16 Jun - Semua pemimpin harus mempunyai kebijaksanaan dan keberanian luar biasa dalam menangani cabaran dan menguruskan pelbagai tuntutan masyarakat pada masa kini.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan, pemimpin memerlukan kedua-dua sifat itu kerana negara ini mempunyai pelbagai kaum, agama serta tuntutan berbeza yang perlu dipenuhi dan untuk itu, pemimpin dan masyarakat perlu bersatu serta berusaha mencari 'penawar' terhadap isu-isu yang timbul.

"Hal ini (isu) akan diuruskan tapi perlukan kebijaksanaan dan keberanian luar biasa untuk uruskan negara yang pelbagai dengan kemahuan, tuntutan, agama, nafsu, semuanya ada. Sebab itu, untuk uruskan negara Malaysia ini, perlukan kebijaksanaan.

"Semua pihak mempunyai kehendak dan keperluan tersendiri, ini termasuklah pelbagai lapisan masyarakat sama ada muda atau tua. Setiap kaum dan penganut agama mempunyai keperluan berbeza, sama juga penduduk bandar dan luar bandar," katanya.

Beliau berucap merasmikan Karnival Mini Rumah Mampu Milik dan Majlis Penyampaian Bantuan Makanan Untuk Masjid dan Surau

Parlimen Pagoh di Kompleks Seri Pekembar di sini hari ini.

Pada majlis itu, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh menyampaikan peruntukan berjumlah RM20,000 kepada 44 masjid dan 88 surau dalam Parlimen Pagoh untuk menjalankan aktiviti sepanjang bulan Ramadan ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jorak, Datuk Dr. Shahrudin Mohd. Salleh; ADUN Bukit Serampang, Ismail Mohamed; Ketua Wanita UMNO Bahagian Pagoh, Senator Datuk Noriah Mahat dan Ketua Puteri UMNO Bahagian Pagoh, Rohaizah Ahmad.

Muhyiddin berkata, setiap pemimpin juga perlu amanah serta bertanggungjawab dan tidak sekali-kali mengkhianatinya kerana tindakan itu akan memberi kesan dan menyebabkan mudarat kepada mereka yang dipimpin.

"Setiap kita adalah pemimpin, kita akan ditanya apa yang kamu buat terhadap orang kamu pimpin. Apa tanggungjawab, tugas dan amanah yang kamu pikul. Jangan pecah amanah, abai tanggungjawab dan jangan berlaku satu-satu perkara yang membawa mudarat kepada negara dan rakyat.

"Ini harus dielakkan, mesti mencari jalan lurus dan berpandukan tuntutan agama. (Tahu) yang mana

betul mana salah, mana mungkar dan ada pahala, ada neraka untuk orang yang jahat. Kalau kita berpegang kepada itu kita tidak akan lakukan kemudaratan," katanya.

Menurutnya, ketika ini isu-isu yang timbul dalam negara menyebabkan rakyat kurang selesa dan tertanya-tanya apa yang sedang berlaku sehingga menimbulkan kebimbangan mereka.

"Ada yang datang bertanya kepada saya, Tan Sri apa dah jadi, ke arah mana kita nak pergi? Mereka nakkan panduan, nak melihat hala tuju ke mana kita pergi, jawapannya ialah pandang ke hadapan, tapi kalau pandang ke hadapan ke (arah) mana?"

"Mereka mahu tahu keadaan ekonomi kita bagaimana, politik kita bagaimana, keadaan keselamatan kita bagaimana, duit kita macam mana, politik kita macam mana," katanya.

Sementara itu, dalam satu majlis lain, Timbalan Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira 30 minit beramah mesra dengan orang ramai di Jeti Nelayan Kampung Jorak.

Beliau turut bersantai menikmati buah-buahan tempatan serta menyampaikan sumbangan lima buah bot kepada nelayan kampung berkenaan.